

23/05/2003

Zeti minta bank turun faedah deposit secara minimum

GABENOR Bank Negara (BNM) Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz meminta bank memastikan penurunan kadar faedah deposit berikutan penurunan dalam kadar

faedah pinjaman, dibuat pada kadar minimum.

Beliau berkata, ini kerana bank mempunyai keanjalan dan kemampuan untuk berbuat demikian.

"Bank diminta meminimumkan pengubahsuaian kadar faedah deposit (berikutan penurunan dalam kadar faedah pinjaman). Mereka mempunyai keanjalan dan kemampuan untuk berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada seminar ekonomi anjuran Biro Ekonomi MCA di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa membentangkan Pakej Strategi Baru kelmarin, antara lain turut mengumumkan penurunan kadar campur tangan BNM sebanyak 50 mata asas kepada 4.5 peratus.

Sejajar langkah itu, kadar pinjaman asas (BLR) bank dan syarikat kewangan turut diturunkan masing-masing kepada 6.42 peratus dan 7.46 peratus. Penurunan BLR sekali gus mengecilkan margin keuntungan bank dan syarikat kewangan, jika kadar deposit tidak turut diturunkan.

BNM dalam kenyataan berasingan bagi menjelaskan laporan akhbar berhubung pengubahsuaian dalam kadar faedah deposit semalam, menyatakan penurunan dalam kadar faedah deposit mestilah kurang daripada penurunan dalam BLR.

"Pasaran tidak seharusnya menjangkakan kadar faedah deposit tetap sebulan akan berada di bawah tiga peratus, dan pengubahsuaian lain (kadar faedah deposit bagi tempoh tiga, enam dan 12 bulan) tidak boleh melebihi 30 mata asas," kata kenyataan itu.

Zeti berkata langkah kerajaan menurunkan kadar campur BNM itu tidak akan menjurus ekonomi Malaysia kepada keadaan deflasi.

"Angka tunjuk penggunaan negara masih menunjukkan permintaan penggunaan yang kukuh, jadi kami tidak melihat kemungkinan akan wujud satu keadaan deflasi," katanya.